

# TERJUNAN EMAS

METRO AHAD 29/4/2019 p. 78

## ■ Pandelega, Jun Hoong jadi penerjun pertama Malaysia raih kejuaraan Siri Terjun Dunia

Mohd Khairie Khalid  
khairie@nstp.com.my

### Kuala Lumpur

**“T**erima kasih kepada jurulatih Zhang Yukun (gambar) kerana meningkatkan keyakinan kami.”

Itu antara coretan di laman Instagram milik ratu terjun negara, Pandelega Rinong yang meraih pingat emas bersama Cheong Jun Hoong dalam acara 10 meter platform seirama pada pusingan ketiga Siri Terjun Dunia di Montreal, Kanada, awal pagi semalam.

Pencapaian itu menyaksikan Pandelega dan Jun Hoong muncul penerjun pertama dari Malaysia berjaya memenangi gelaran siri dunia.

Yukun mengambil alih tugas mengendalikan skuad

terjun kebangsaan daripada bekas ketua jurulatih Yang Zhuliang yang tidak disambung kontraknya, tahun lalu.

“Helo dari Montreal, hanya ingin memaklumkan kami memenangi pingat emas buat kali pertama dalam Siri Dunia FINA,” tulis penerjun dari Sarawak itu menerusi laman Instagram.

Untuk memenangi emas di Siri Dunia, yang menjadi pertarungan antara lapan gandingan terbaik dunia adalah lebih sukar jika dibandingkan dengan Sukan Komanwel Gold Coast yang mana Pandelega-Jun Hoong turut meraih emas, baru-baru ini.

Di Montreal, pasangan negara itu mengumpul 322.74 mata dalam lima terjunan, mengetepikan penerjun Korea Utara, Kim Mi Rae-Kim



Kuk Hyang dengan kutipan 321.90, manakala gangsa milik pasangan China, Si Yajie-Lin Shan (320.82).

Penerjun Kanada, Meaghan Benfeito-Caeli McKay yang juga pemenang pingat

### SIRI TERJUN DUNIA

Kategori wanita

#### SEMALAM

10m platform seirama

- 🥇 Emas  
Pandelega Rinong-Cheong Jun Hoong (MAS) 322.74 mata
- 🥈 Perak  
Kim Mi Rae-Kim Kuk Hyang (PRK) 321.90
- 🥉 Gangsa  
Si Yajie-Lin Shan (CHN) 320.82

perak Sukan Komanwel menamatkan aksi di kedudukan keempat.

Kejayaan Pandelega-Jun Hoong hadir tepat pada masanya buat Malaysia yang menaruh harapan untuk memenangi emas pertama Sukan Olimpik di Tokyo 2020.

FOTO: INSTAGRAM  
PANDELEGA RINONG



“**Helo dari Montreal, hanya ingin memaklumkan kami memenangi pingat emas buat kali pertama dalam Siri Dunia FINA Pandelega Rinong**”